



UiTM@Media **2016**

Karya Inovasi



UiTM@Media
2016



Penanaman cili membolehkan pelajar menjana pendapatan sampingan.



Projek fertigasi gantung di UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah membuahkan hasil.

Projek suntik ilmu pertanian, keusahawanan

Oleh **Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak**
meor.ahmad@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak melaksanakan projek fertigasi gantung untuk penanaman cili dengan usahasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), baru-baru ini, sekali gus membantu pelajar menjana pendapatan sampingan.

Pensyarah terbabit projek itu, Ameri Mohd Sarip @ Shariff, berkata kaedah fertigasi gantung amat digalakkan kerana lebih mudah dan tidak memerlukan tanah khusus untuk bertani.

Beliau berkata, pelajar diberi pendedahan berkenaan di UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah membolehkan pemindahan anak benih cili berusia 30 hari ke polibeg dengan baja bancuhan mereka sendiri.

"Setiap hari, pelajar terbabit perlu membuat pemeriksaan bagi memastikan tanaman

itu sentiasa berada dalam keadaan baik.

Cabang perniagaan

"Mereka juga perlu menyembur baja foliar dan organik liguano bagi meningkatkan daya tahan pokok serta menghalau serangan perosak," katanya sambil menjelaskan 50 pelajar peringkat diploma dan lima pensyarah terbabit dalam projek itu.

Selain berpeluang mempelajari penanaman cili secara fertigasi gantung, Ameri berkata, pelajar berkenaan juga memperoleh pendapatan sampingan hingga mencecah RM500 melalui jualan hasil tani itu.

Beliau berkata, mereka secara langsung menimba pengalaman dalam bidang keusahawanan dengan menjual hasil tanaman itu di kedai berhampiran dan pasar di sekitar Tapah.

"Ini selari objektif projek untuk memberi pendedahan dan latihan dalam bidang pertanian sebagai antara cabang perniagaan serta melahirkan graduan holistik melalui pembelajaran di luar kelas," katanya.

info

Projek fertigasi gantung

- 100 polibeg boleh menampung penanaman 200 pokok dalam satu masa.
- Baja dibancuh oleh pelajar sendiri.
- Pelajar turut dilatih menanam kangkung, bayam, daun bawang, sawi dan serai.

Fakta nombor

RM500

hasil jualan cili ditanam

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminaljah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

